

**Kertas Bil. 27/2024**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT  
SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

---

# **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS) BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

---

## **1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68C (1) – (2) dibaca bersama dengan Peraturan 68 (2) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor mengenai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun, Dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Kelima Belas Tahun 2024 pada 15 November 2024, 18 November 2024 – 22 November 2024, dan 25 November 2024 – 28 November 2024.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Dalam mesyuarat Bil. 11/2024 Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) yang bertarikh 20 Ogos 2024, YB Taman Medan membangkitkan persoalan tentang syarikat Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) serta fungsinya.
- 2.2. Jawatankuasa mengambil maklum tentang persoalan YB Taman Medan dan bersetuju untuk memanggil Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) bagi mendapat penerangan tentang pelan pengoperasian dan laporan kewangan syarikat tersebut.
- 2.3. Jawatankuasa telah menetapkan mesyuarat Bil. 13/2024 Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) diadakan pada 24 September 2024 bagi sesi pendengaran tertutup bersama pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU).
- 2.4. Wakil-wakil berikut daripada Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) telah hadir memberikan keterangan di hadapan Jawatankuasa:
  - 2.4.1. Puan Aida binti Mohamed Yatim
  - 2.4.2. Puan Faizah binti Hassan
  - 2.4.3. Puan Nazliah binti Nari

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS) BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

---

2.5. Ahli-ahli Jawatankuasa yang terlibat adalah:

- 2.5.1. YB Tuan Rajiv A/L Rishyakaran  
(N34 Bukit Gasing)
- 2.5.2. YB Tuan Ong Chun Wei  
(N27 Balakong)
- 2.5.3. YB Tuan Cheong Kian Young  
(N25 Kajang)
- 2.5.4. YB Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi@Azmi  
(N29 Seri Serdang)
- 2.5.5. YB Tuan Dr. Afif Bin Bahardin  
(N33 Taman Medan)
- 2.5.6. YB Dato' Noorazley Bin Yahya  
(N10 Bukit Melawati)
- 2.5.7. YB Tuan Nushi Bin Mahfodz  
(N24 Semenyih)

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS) BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

---

**3. KETERANGAN**

- 3.1. Di dalam mesyuarat JP-ABAS bilangan 13/2024, SSDU menerangkan tujuan penubuhan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) adalah untuk merealisasikan hasrat Kerajaan Selangor bagi membangunkan Smart Selangor yang yang peduli dengan melakukan anjakan paradigma untuk menggalakkan *knowledge economy* dengan *smart infrastructure*, *smart people* dan mewujudkan *smart government*.
- 3.2. Mandat awal yang diberikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) kepada SSDU pada tahun 2016 adalah untuk menyediakan strategi program dan *Blueprint* Smart Selangor termasuk mencadangkan petunjuk prestasi utama (KPI) projek.
- 3.3. SSDU dibentuk sebagai sebuah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Besar Incorporated (MBI) pada tahun 2018.
- 3.4. Sejak tahun 2016, SSDU telah dipantau oleh beberapa Jawatankuasa di peringkat Kerajaan Negeri seperti:
  - 3.4.1. Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN)
  - 3.4.2. Jawatankuasa Teknikal ICT
  - 3.4.3. Jawatankuasa Pemandu ICT
  - 3.4.4. Jawatankuasa Pemantauan Projek Smart Selangor dan ALP SSDU
  - 3.4.5. Standco Pembudayaan & Inovasi Smart Selangor
  - 3.4.6. Standco Agama Islam & Pembudayaan Inovasi.
- 3.5. Di dalam mesyuarat Khas Ahli Lembaga Pengarah pada 18 Januari 2024, SSDU telah membentangkan rancangan perniagaan jangka masa pendek bagi menetapkan hala tuju sebagai *trendsetter* dengan menjadi pengendali pusat data Negeri Selangor dan menjalankan beberapa aktiviti komersial untuk kelestarian operasi syarikat yang terdiri dari 7 aktiviti teras dan 22 aktiviti bukan teras.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS) BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

---

- 3.6. SSDU memaklumkan pengoperasian syarikat mereka pada tahun 2024 lebih tertumpu kepada:
- 3.6.1. Pelaksanaan Inisiatif Pintar 2024
  - 3.6.2. Pembudayaan Inisiatif & Perkongsian Program
  - 3.6.3. Pengoperasian Inisiatif/ Aplikasi Yang Telah Siap
  - 3.6.4. Pemantauan & Pelaporan
  - 3.6.5. Penerokaan Inisiatif Baharu.
- 3.7. SSDU mencatatkan keuntungan melalui sistem pembayaran tempat letak kereta, dengan hasil pada tahun 2021 sebanyak RM 1.5 Juta yang terus meningkat dari tahun ke tahun berikutnya.
- 3.8. Selain daripada sistem pembayaran tempat letak kereta, SSDU juga membuat keuntungan melalui penyewaan ruang kerja kepada pihak luar.
- 3.9. SSDU memaklumkan keuntungan yang paling besar yang mampu dijana adalah melalui sistem pembayaran tempat letak kereta dan jurang keuntungan dengan *Scan to Ride* (STR) adalah terlalu besar.
- 3.10. Perkhidmatan *Scan to Ride* (STR) bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor juga membantu dalam menjana keuntungan kepada SSDU. 20 sen daripada 90 sen kutipan perkhidmatan STR akan diambil oleh SSDU dan akan digunakan untuk membayar kos penyelenggaraan aplikasi STR tersebut.
- 3.11. Daripada 22 aktiviti bukan teras yang dijalankan oleh pihak SSDU, hanya 1 aktiviti yang masih berjalan iaitu projek CCTV 414 State, Phase 1 & Phase 2.
- 3.12. SSDU tidak mempunyai sebarang projek baharu untuk menjana keuntungan kepada syarikat dan SSDU masih tiada draf hala tuju untuk syarikat tersebut bagi tempoh 2026-2030

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS) BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

---

**4. PENEMUAN JAWATANKUASA**

- 4.1. Perancangan hala tuju sedia ada hanya untuk 2021 - 2025.
- 4.2. Jawatankuasa mendapati SSDU seperti yang dinyatakan oleh pegawainya tidak mempunyai sebarang projek baru dan masih tidak mempunyai draf hala tuju yang jelas dalam menjadi sebuah syarikat yang berfungsi sebagai *trendsetter* dengan menjadi pengendali pusat data Negeri Selangor.
- 4.3. Jawatankuasa mendapati SSDU mempunyai empat teras strategik yang berkualiti iaitu:
- 4.3.1. (***Establish Dominance***) Mewujudkan keutamaan dan pemfokusan di dalam bidang aktiviti teras menerusi hala tuju Kerajaan Negeri, kaedah penyelidikan & pembangunan, serta aktiviti-aktiviti pengintegrasian.
  - 4.3.2. (***Comprehensive Manpower***) Mengupayakan pengurusan tenaga kerja yang komprehensif ke arah kecemerlangan bidang aktiviti teras.
  - 4.3.3. (***Establish Presence***) Mewujudkan keterampilan sebagai panel rujukan untuk pembangunan Negeri dan Bandar Pintar di Malaysia.
  - 4.3.4. (***Strengthen Management Tools***) Mengukuhkan keupayaan teknikal dan peralatan perkhidmatan sokongan pengurusan bidang aktiviti teras untuk mengupayakan kecemerlangan prestasi.
- 4.4. Walaubagaimanapun masih tiada sebarang pelan tindakan yang ditetapkan untuk menyokong empat teras strategik berikut dalam usaha untuk mencapai visi dan misi baharu syarikat SSDU.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS) BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

---

**5. SARANAN JAWATANKUASA**

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri menetapkan satu rancangan hala tuju supaya SSDU dapat menjadi sebuah syarikat yang mampu untuk merealisasikan program Smart Selangor untuk membangunkan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berdaya huni. Pengurusan SSDU perlu dilibatkan secara langsung dengan Kerajaan Negeri untuk merangka rancangan ini.
- 5.2. Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri merangka rancangan tindakan jangka masa pendek, sederhana, dan panjang yang dapat menyokong empat teras strategik SSDU.
- 5.3. Jawatankuasa menyarankan sebagai sebahagian daripada rancangan hala tuju SSDU untuk tahun 2026 – 2030 untuk SSDU melaksanakan pendigitalisasi penuh semua perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi-agensi, dan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor supaya semua perkhidmatan kaunter yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dapat diakses secara atas talian.
- 5.4. Jawatankuasa menyarankan supaya semua perkhidmatan pengangkutan dalam inisiatif DRT Mobiliti Selangor (yang kini memerlukan aplikasi berasingan dari penyedia perkhidmatan) disatukan dalam satu aplikasi yang dibangunkan oleh SSDU.
- 5.5. Jawatankuasa menyarankan supaya SSDU diberi tanggungjawab untuk memimpin usaha pembangunan aplikasi super (*super app*) untuk semua perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Negeri.

**6. SENARAI EDARAN**

- 6.1. Slaid Pembentangan SSDU Innovations Sdn Bhd kepada Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun, dan Anak Syarikat (JP-ABAS) bertarikh 24 September 2024.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS) BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

---

**7. PERAKUAN**

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi/individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini telah dibincang dan diluluskan oleh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun, Dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) Bil.14/2024 pada 8 Oktober 2024.

Disahkan oleh:



.....  
**Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran**

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun, Dan Anak Syarikat (JP-ABAS)  
Dewan Negeri Selangor



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS) BERHUBUNG HALA TUJU SYARIKAT SMART SELANGOR DELIVERY UNIT (SSDU)**

---

**URUS SETIA**

- 1) Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar  
Setiausaha Bahagian (Dewan)
  
- 2) Encik Ahmad Fuad Hilmi Bin Muhamad  
Penolong Setiausaha (Dewan)
  
- 3) Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi  
Pembantu Setiausaha Pejabat (Dewan)
  
- 4) Encik Ahmad Faiz Bin Mustafa Amirrudin  
Pegawai Penyelidik Kanan
  
- 4) Encik Mohamad Najmi Bin Abd Razak  
Pegawai Penyelidik